

**Muhyiddin Terima Kunjungan Setiausaha Hong Kong Bagi Pendidikan
Bernama
Jan 7, 2015**

PUTRAJAYA, 7 Jan (Bernama) -- Setiausaha Hong Kong bagi Pendidikan (SED) Eddie Ng Hak-kim, Rabu mengunjungi Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin di pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan di sini.

Pertemuan selama 30 minit antara Muhyiddin, yang juga Menteri Pendidikan, dengan Ng di Kementerian Pendidikan di sini bertujuan untuk mengukuhkan hubungan dalam bidang pendidikan.

Ng diiringi enam pegawai termasuk pengarah Pejabat Perdagangan Ekonomi Hong Kong (HKETO), Fong Ngai dan Penolong Setiausaha Biro Pendidikan (Pengajian Tinggi), Elsa Hung Pui Ling.

Menurut kenyataan media yang disiarkan dalam laman sesawang kerajaan Hong Kong Selasa, lawatan Ng selama dua hari ke Malaysia yang bermula Rabu bertujuan untuk mengukuhkan hubungan pendidikan.

Semasa berada di Malaysia, Ng dijadual menemui para pegawai kanan pendidikan bagi membincangkan isu-isu kepentingan bersama terutama kemungkinan meningkatkan kerjasama pendidikan antara Hong Kong dengan Malaysia.

Menurut kenyataan itu, beliau akan menemui presiden/naib presiden institusi pengajian tinggi utama di Malaysia untuk bertukar pandangan tentang kerjasama akademik dan pertukaran pelajar antara sektor pengajian tinggi kedua-dua pihak.

--BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source :<http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1098651>